

# **PERLANTIKAN**

LANTIKAN;

PENGESAHAN;

PERGERAKAN GAJI;

LANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN  
LAIN;

KENAIKAN PANGKAT;

PENAMATAN PERKHIDMATAN;

**Peraturan-Peraturan Pegawai Awam  
(Pelantikan, Kenaikan Pangkat  
Dan Penamatan Perkhidmatan)  
2005, PU (A) 176.**

**Berkuatkuasa mulai 1 Mei 2005.**

**Memansuhkan Perintah-Perintah Am Bab A  
(Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973**

# Pelantikan mengikut skim perkhidmatan

5. (1) Semua pelantikan ke dalam perkhidmatan awam hendaklah mengikut syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa pada masa itu.
- (2) Tertakluk kepada subperaturan (1) jika ada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam mana-mana skim perkhidmatan perlu dipinda, Ketua Jabatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

# SKIM PERKHIDMATAN

|    |                               |           |
|----|-------------------------------|-----------|
| 1  | JADUAL GAJI                   | PP 4/2002 |
| 2  | SYARAT LANTIKAN / KELAYAKAN   | P 6, 16,  |
| 3  | PENETAPAN GAJI PERMULAAN      | P 23, 24  |
| 4  | TEMPOH PERCUBAAN              | P 26, 28  |
| 5  | LATIHAN                       |           |
| 6  | PEPERIKSAAN                   |           |
| 7  | KURSUS INDUKSI                | P 27      |
| 8  | PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN | P 27, 29  |
| 9  | KURSUS NAIK PANGKAT           |           |
| 10 | NAIK PANGKAT                  | P 37, 38  |

# KELULUSAN SETARAF

“Jika ada keraguan dalam mana-mana skim perkhidmatan atau iklan kekosongan tentang maksud kelulusan setaraf, maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk penentuan.”

Peraturan 16 PPPA

# SYARAT DIKEHENDAKI DIPATUHI

|   |                          |                    |
|---|--------------------------|--------------------|
| 1 | DIPERAKUI SIHAT          | P 19 (1) (a)       |
| 2 | TIADA REKOD JENAYAH      | P 19 (1) (b) (i)   |
| 3 | TAK PERNAH DIBUANG KERJA | P 19 (1) (b) (ii)  |
| 4 | BUKAN PENAGIH DADAH      | P 19 (1) (b) (iii) |
| 5 | BUKAN WARGANEGARA ASING  | P 19 (1) (b) (iv)  |
| 6 | BUKAN BANKRAP            | P 19 (1) (b) v)    |
| 7 | TANDATANGANI AKU JANJI   | P 19 (c)           |

# SURAT AKU JANJI

(JADUAL PERTAMA)

PERATURAN 19 (1) (c) PPPA (PKP) 2005

|   |   |
|---|---|
| 1 | TAAT                                      |
| 2 | SENTIASA MELAKSANAKAN TUGAS               |
| 3 | TIDAK MEMBELAKANGKAN TUGAS                |
| 4 | TIDAK BEKELAKUAN MENYEBABKAN BERCANGGAH   |
| 5 | TAK BERKELAKUAN KEGUNAAN PEGAWAI AWAM     |
| 6 | TAK MENGGUNAKAN KEDUDUKAN UTK FAEDAH DIRI |
| 7 | TAK MEMBURUKKAN / MENCEMARKAN             |
| 8 | TAK MEMBAWA PENGARUH / TEKANAN LUAR       |
| 9 | TAK AKAN INGKAR PERINTAH                  |

# Opsyen bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

“Seseorang pegawai yang berhasrat untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6A Akta Pencen 1980 [Akta 227] hendaklah melaksanakan opsyennya dengan menggunakan borang yang dinyatakan dalam Jadual Kelima”

Peraturan 35 PPPA (PKP) 2005

# SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

1. Melalui tempoh percubaan antara 1 hingga 3 tahun; (perenggan 60 PP 4/2002)
2. Hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan;
3. Lulus peperiksaan perkhidmatan, jika ditetapkan;
4. Diperaku oleh Ketua Jabatan.

## **SUMBER:**

Skim Perkhidmatan (Lamp B PP 4/02)

Peraturan 27 (1) PPPA (PKPP) 2005

# TARIKH PENGESAHAN

“Tarikh pengesahan dalam perkhidmatan seseorang pegawai yang telah berjaya menyelesaikan tempoh percubaan asalnya atau yang dilanjutkan adalah pada hari pertama selepas tarikh pegawai itu mematuhi semua syarat yang ditetapkan.”

Peraturan 29 (1) PPPA (PKP) 2005

## *TEMPOH PERLANJUTAN*

- “Tempoh percubaan seseorang pegawai hanya boleh dilanjutkan tidak melebihi dua tahun, tetapi Suruhanjaya boleh dalam hal keadaan khas melanjutkan tempoh percubaan melebihi dua tahun jika difikirkan patut..”

Peraturan 28 (6) PPPA (PKPP) 2005

# KESAN PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN BERDENDA

- (a) Hilang kekananannya bagi suatu tempoh yang sama dengan tempoh perlanjutan itu;
- (b) Tidak layak mendapat apa-apa pergerakan gaji tahunan semasa tempoh perlanjutan percubaannya dengan denda; dan
- (c) Diubah tarikh pergerakan gajinya mengikut tarikh pengesahannya berkuatkuasa.

[Peraturan 30 (a), (b) dan (c) PPPA (PKPP) 2005]

# KEMBALI KE PERKHIDMATAN TERDAHULU

- Telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulunya;
- Kegagalan disah bukan sebab kelakuan;
- Ada kekosongan;
- Ketua Perkhidmatan setuju;
- Boleh dibenarkan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh kuatkuasa perlantikan skim perkhidmatan lain;
- Diberi mata gaji yang sama sebelum dilantik ke skim perkhidmatan yang lain.

Peraturan 11 PPPA (PKPP) 2005, PU (A) 176.

# GAGAL DISAH: DIBERSARAKAN ?

- Jika telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu dan telah diberi taraf berpencen.
- Boleh dibersarakan demi kepentingan awam di bawah undang-undang pencen ?

Sumber: P 47 (2) PPPA (PKP) 2005

Seksyen 10 (5) (d) atau Seksyen 11 (a) (ii) AP 1980, A 227 ?

# PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

“Seseorang pegawai tetap boleh diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika ia telah-

- (a) Disahkan dalam jawatannya yang sekarang; dan
- (b) Genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira.”

(Seksyen 7 AP 1980, Akta 227)

# PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

- "Pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai hendaklah berasaskan pencapaian kerja tahunan pegawai itu atau apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa,"

Peraturan 25 (3) PPPA (PKP) 2005

# LIMA SYARAT ANJAKAN GAJI PERTAMA

1. Disahkan dalam perkhidmatan;
2. Lulus PTK yang ditentukan;
3. Berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun;
4. Mencapai tahap prestasi yang baik; dan
5. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

SUMBER: Perenggan 5.1. PP 4/2002

# ANJAKAN GAJI PERTAMA

- **“Anjakan gaji pertama boleh dipertimbangkan setelah anggota memenuhi lima syarat, iaitu disahkan dalam perkhidmatan, lulus Penilaian Tahap Kecekapan yang ditentukan, berkhidmat tidak kurang daripada tiga tahun, mencapai tahap prestasi yang baik dan diperakukan oleh Ketua Jabatan, dan ....”**

Perenggan 52.1. PP 4/2002.

# ANJAKAN GAJI KEDUA

## MEMENUHI EMPAT SYARAT:

- a. Lulus penilaian tahap kecakapan yang ditentukan;
- b. Telah memperoleh anjakan gaji pertama tidak kurang daripada satu tahun;
- c. Mencapai tahap prestasi yang baik; dan
- d. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

(Perenggan 52.2 PP 4/2002)

# Pergerakan gaji secara isyarat semasa cuti separuh gaji atau tanpa gaji

- Diluluskan cuti melebihi 180 hari.....:
- Cuti belajar separuh gaji;
- Cuti belajar tanpa gaji;
- Cuti tanpa gaji mengikuti suami/isteri ...
- Cuti separuh gaji kerana mengidap tibi, ....
- “...diberi pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga kali pergerakan gaji dalam tempoh perkhidmatan.”

*(Perenggan 64 PP 4/2002)*

# **Tarikh pelantikan tetap bagi pegawai sementara**

“Jika seseorang pegawai sementara yang mematuhi semua syarat yang dinyatakan bagi mana-mana skim perkhidmatan dilantik untuk mengisi mana-mana jawatan tetap yang kosong dalam skim perkhidmatan itu, tarikh pelantikan pegawai itu ke dalam jawatan tetap itu adalah pada tarikh Suruhanjaya bermesyuarat dan meluluskan pelantikan tetap itu.”

# PINJAMAN

“pinjaman” ertinya perlantikan seseorang pegawai perkhidmatan di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ke-

- (a) Perkhidmatan di bawah perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;
- (b) Pihak berkuasa berklanun;
- (c) Pihak berkuasa tempatan; atau
- (d) Mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia,

untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan terdahulunya, termasuk perlantikan pegawai di bawah perenggan (f) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ke perkhidmatan pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau organisasi di dalam atau di luar Malaysia.”

Peraturan 4 PPPA (PKPP) 2005.

PP 13/2000 – tempoh pinjaman: 1-3 tahun. Tak digalakkan melebihi 5 tahun.

# PERTUKARAN SEMENTARA

“pertukaran sementara” ertinya perlantikan seseorang pegawai ke perkhidmatan yang lain di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan atau perlantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah pihak berkuasa melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan terdahulunya;”

Peraturan 4 PPPA (PKPP) 2005.

PP 13/2000.

# PERTUKARAN TETAP

- “pertukaran tetap” bermaksud perlantikan pegawai sedang berkhidmat secara pinjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam di mana dengan perlantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus, kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap”
- Perenggan 1.2 Bahagian 1 Lampiran A PP 13/2003

# PERLANTIKAN KONTRAK

- Pemeriksaan kesehatan;
- Akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960;
- Tapisan keselamatan dan keutuhan (kecuali Gred 26 dan ke bawah);
- Aku janji;
- Tempoh kontrak (tidak kurang 1 tahun atau melebihi 3 tahun).

**Sumber:**

Perenggan 26 Panduan Perlantikan Pegawai Kontrak 2003, PP 2/2003.

# PENANGGUNGAN KERJA

“penanggungan kerja”, yang berhubung dengan pegawai awam, ertinya pelaksanaan tugas, di samping tugasnya sendiri bagi suatu tempoh yang dinyatakan, suatu jawatan lain yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;

Peraturan 4 PPPA

# ELAUN PENANGGUNGAN KERJA

8. Elaun Penanggungan Kerja ialah sebanyak 25 % daripada gaji permulaan jawatan yang ditanggung kerja. Bagi jawatan yang menetapkan tanggagaji permulaan yang berbeza-beza selain daripada P1T1, maka gaji permulaan bagi tujuan perkiraan Elaun Penanggungan Kerja ialah gaji permulaan yang terendah dalam skim perkhidmatan berkenaan.....

# PEMANGKUAN

“pemangkuan”, yang berhubungan dengan pegawai awam, ertinya pelaksanaan tugas oleh seseorang pegawai secara sepenuh masa, suatu jawatan lain yang lebih tinggi grednya daripada gred hakiki pegawai itu dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat;

Peraturan 4 PPPA

# ELAUN PEMANGKUAN

7. Elaun Pemangkuan ialah perbezaan di antara gaji permulaan jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai dengan syarat:
- (i) perbezaan itu tidak kurang daripada satu pergerakan gaji secara mendatar di gred hakiki pegawai. Jika perbezaan itu kurang daripada satu pergerakan gaji, Elaun Pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji secara mendatar di atas tanggagaji jawatan yang dipangku; dan
  - (ii) sekiranya gaji hakiki seseorang pegawai itu sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan jawatan yang dipangku, Elaun Pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji secara mendatar di atas tanggagaji jawatan yang dipangku.

# **KENAIKAN PANGKAT**

“kenaikan pangkat” ertinya peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat;

Peraturan 4 PPPA (PKP) 2005

# CONTOH

## KELAYAKAN KENAIKAN PANGKAT DALAM SKIM PERKHIDMATAN

10. Pembantu Tadbir (Perkeranan/Operasi) Gred N17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

# ASAS KENAIKAN PANGKAT

“Walau apa pun subperaturan (1), jika dua atau lebih pegawai diputuskan sama dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat di samping kekananan pegawai hendaklah juga dijadikan asas bagi pemilihan dan diberi pertimbangan”

Peraturan 37 (4) PPPA

# KAEDAH PENETAPAN KEKANANAN

“Walau apa pun subperaturan (1), jika dua atau lebih pegawai dilantik secara tetap atau dinaikkan pangkat ke gred yang sama dalam skim perkhidmatan yang sama pada tarikh yang sama, kekananan pegawai itu adalah disifatkan sebagai sama.”

Peraturan 32 (2) PPPA

# TARIKH KENAIKAN PANGKAT

41. (2) Tarikh kenaikan pangkat ke gred tidak boleh lebih awal dari tarikh kekosongan atau tarikh pegawai itu layak dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatannya, yang mana terkemudian.

(3) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan, kecuali jika skim perkhidmatan tidak mensyaratkan sesuatu kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan, tarikh kenaikan pangkat tidak boleh lebih awal daripada tarikh pegawai itu diluluskan memangku jawatan itu atau pada tarikh jawatan hakiki itu kosong, yang mana terkemudian.

Peraturan 41 PPPA (PKP) 2005

# NOTIS PERLETAKAN JAWATAN

Peraturan 51 PPPA (PKPP) 2005

|   | <b>Pegawai</b>                        | <b>Notis</b>                             | <b>Ganti notis</b> |
|---|---------------------------------------|--|--------------------|
| 1 | Pegawai percubaan                     | 30 hari                                  | Sebulan gaji       |
| 2 | Pegawai yang telah disah perkhidmatan | 90 hari                                  | Sebulan gaji       |
| 3 | Selain tetap                          | Mengikut syarat atau jika tiada, 30 hari | Sebulan gaji       |